

KUALA LUMPUR, 6 NOV. (BERNAMA) -- DATUK SSERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MENEKANKAN PERLUNYA PERPADUAN DI KALANGAN ORANG MELAYU YANG BUKAN SAHAJA DAPAT MENINGKATKAN KESEJAHTERAAN HIDUP MALAH MEMBANTU MENYATUPADUKAN RAKYAT BERBILANG KAUM DI NEGARA INI.

PERDANA MENTERI BERKATA PERPADUAN DI KALANGAN ORANG-ORANG MELAYU PERLU DAN BOLEH DIPERTINGKATKAN DENGAN DORONGAN DAN DAYAUSAHA PIHAK-PIHAK TERTENTU TERMASUK PENGHULU.

PERPADUAN DAN KEAMANAN DI KALANGAN MASYARAKAT MELAYU KHUSUSNYA DI PERINGKAT MUKIM ADALAH MERUPAKAN ASAS BAGI PERPADUAN NEGARA SELURUHNYA, TAMBAH BELIAU.

BELIAU BERPENDAPAT KEHADIRAN DAN PENGLIBATAN PENGHULU DALAM KEGIATAN MASYARAKAT SETEMPAT BUKAN SAHAJA MEMBERI PERANGSANG MALAH MENJADI FAKTOR PENGIKAT UNTUK MENINGKATKAN PERPADUAN MASYARAKAT DI PERINGKAT MUKIM.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA DEMIKIAN SEMASA MERASMIKAN PERSIDANGAN PERWAKILAN TAHUNAN KE-7 KESATUAN PENGHULU/PENGGAWA DI SEMENANJUNG MALAYSIA DI SINI HARI INI.

KATANYA, SEJAK DAHULU HINGGA SEKARANG SUASANA TENTERAM DAN AMAN YANG TERDAPAT DI KALANGAN MASYARAKAT MELAYU KHUSUSNYA BOLEHLAH DIBANGGAKAN. -- BERSAMBUNG 12187MK

5263

MAHATHIR - MELAYU 2 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI MENYERU PARA PENGHULU SUPAYA SENTIASA MENGAWASI PERPADUAN YANG WUJUD SUPAYA IA TIDAK DIGUGAT OLEH FAHAMAN DAN HASRAT MANA-MANA PARTI POLITIK YANG INGIN MEMECAH-BELAHKAN PERPADUAN DAN MENJEJASKAN KEAMANAN.

KATANYA WALAUPUN KERAJAAN DAPAT BERBANGGA DENGAN KESTABILAN NEGARA DAN KEMAKMURAN, PENGHULU TIDAK SEHARUS LUPA BAHAWA NEGARA SENTIASA MENJADI SASARAN ANASIR JAHAT YANG INGIN MELIHAT PECAH-BELAH DI KALANGAN RAKYAT DAN HURU-HARA KEPADA NEGARA.

OLEH YANG DEMIKIAN, TEGAS BELIAU, PENGHULU HENDAKLAH MENJADI +MATA DAN TELINGA KERAJAAN+ DAN SENSITIF TERHADAP TINDAK-TANDUK ANASIR-ANASIR JAHAT YANG CUBA MEMPENGARUHI, MEMPERALAT DAN MERACUNI FIKIRAN ORANG-ORANG KAMPUNG DEMI MENCAPAI TUJUAN JAHAT MEREKA.

JIKA KEGIATAN ANASIR JAHAT INI DAPAT DIKESAN DARI AKAR UMBI MAKA DAPAT MEMUDAHKAN KERAJAAN MENGAWAL DAN MEMATAHKAN USAHA JAHAT ANASIR-ANASIR ITU, TAMBAH BELIAU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA SEHINGGA KINI KERAJAAN DAPAT MEMATAHKAN ANCAMAN DAN CABARAN MUSUH-MUSUH NEGARA DENGAN KERJASAMA DAN SOKONGAN SEMUA PIHAK. -- BERSAMBUNG 1221/MK

B524

MAHATHIR - MELAYU 3 KUALA LUMPUR

BELIAU MENEGASKAN KETENTERAMAN DAN KEAMANAN YANG WUJUD SEKARANG HENDAKLAH SENTIASA DIPERTAHAN DAN DIKEKALKAN KERANA SEKIRANYA KESELAMATAN NEGARA TERJEJAS, PEMBANGUNAN NEGARA JUGA TURUT TERGANGGU.

PERDANA MENTERI LALU MENYERU PENGHULU SEBAGAI PENTADBIR DI PERINGKAT MUKIM SUPAYA SENTIASA MEMPELOPORI AMALAN YANG BERSIH-MEMANDANGKAN MEREKA MERUPAKAN PUSAT PEMERHATIAN MASYARAKAT SETEMPAT.

MEREKA HENDAKLAH MENUNJUKKAN Tauladan dengan bekerja kuat dan mempamirkan sifat inginkan kejayaan kepada masyarakat sekeliling memandangkan tiap-tiap kejayaan akan menjadi perangsang kepada masyarakat setempat.

Menurut Datuk Seri Dr. Mahathir, pada zaman dahulu, penghulu merupakan tempat untuk +anak-anak buah+ berlindung, mendapat nasihat dan kata pemutus, tetapi peranan dan tanggungjawab mereka sekarang sudah menjadi lebih luas.

Sebagai penjawat awam yang berdamping rapat dengan rakyat di kampung-kampung, penghulu boleh dengan daya usahanya sendiri menarik minat dan memberi semangat kepada para penduduk di luar bandar supaya melibatkan diri dalam usaha pembangunan dengan lebih gigih lagi. -- BERSAMBUNG 1225/MK

B525

MAHATHIR - MELAYU 4 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI BERKATA ORANG-ORANG YANG AKAN MEMBANGUNKAN DAN MEREKA YANG HENDAK DIBANGUNKAN MESTILAH FAHAM AKAN MAKSUD SERTA PROSES PEMBANGUNAN SUPAYA PEMBANGUNAN AKAN MEMBERI FAEDAH.

NILAI-NILAI HIDUP YANG BERBEZA SERTA KEADAAN SOSIO-EKONOMI MASYARAKAT JUGA MERUPAKAN FAKTOR-FAKTOR YANG BOLEH MEMPENGARUHI JAYA ATAU TIDAKNYA PEMBANGUNAN.

Oleh yang demikian, tambah beliau, penghulu perlu berdamping rapat dengan masyarakat di bawah tadbirannya supaya memahami keadaan, kehendak dan perangai mereka dan memberi kepimpinan kepada mereka.

Perhubungan demikian pasti dapat meningkatkan lagi penglibatan rakyat dalam pembangunan dan penerimaan rakyat terhadap sesuatu program atau projek. -- BERNAMA 1224/MK